

Hubungan Kaunseling Kerjaya Berkelompok Dengan Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan IV Di Dungun, Terengganu

The Relationship between Group Career Counselling with the Difficulties of Making Career Decisions among form IV Students in Dungun, Terengganu

Noor Hamizah Abdul Jalil, Wan Marzuki Wan Jaafar

Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor,
Malaysia

Corresponding Author Email: wanmarzuki@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i12/24266>

DOI:10.6007/IJARBSS/v14-i12/24266

Published Date: 23 December 2024

Abstrak

Individu pada hari ini umumnya sedar akan kepentingan proses untuk membuat keputusan kerjaya yang mana boleh memberi kepuasan dalam kehidupan. Namun, masih ada segelintir individu yang tidak berpeluang atau tidak tahu akan proses kesedaran kerjaya ini. Malah, kajian yang melibatkan tentang kesan ikatan kerjasama kaunselor-klien dalam kaunseling kerjaya berkelompok terhadap kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia masih belum dikaji secara meluas. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara ikatan kerjasama kaunselor-klien melalui kaunseling kerjaya berkelompok dengan kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan IV di daerah Dungun, Terengganu. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif sebagai kaedah kajian dengan menggunakan reka bentuk kajian eksperimental dan kajian korelasi. Persampelan secara kombinasi iaitu persampelan rawak kelompok dan rawak mudah telah digunakan bagi memilih subjek kajian. Seramai 176 orang pelajar telah dipilih untuk kajian eksperimen, dan 88 orang pelajar dari kumpulan eksperimen dipilih untuk kajian korelasi. Dua set soal selidik iaitu (i) Inventori Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (KMKK), dan (ii) Inventori Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien (IKKK), telah digunakan bagi mengumpul data untuk kajian ini.

Analisis statistik deskriptif dan inferensi – Korelasi Pearson digunakan bagi menganalisis data yang telah dikumpul. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara min ujian pasca dengan ujian pra bagi kumpulan eksperimen. Hasil Korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang rendah tetapi signifikan. Hasil kajian ini mencadangkan supaya pihak sekolah dan badan kerajaan seperti Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk mengembangkan perkhidmatan sesi kaunseling kerjaya berkelompok di sekolah serta menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi sebagai insentif untuk memperkasakan perkhidmatan ini.

Katakunci: Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien (IkKK), Kaunseling Kerjaya Berkelompok, Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (KMKK), Ikatan Terapeutik

Abstract

In general, individuals in today's world know the importance of the process of making career decision which can lead to ones' life satisfactions. However, some may have no chance to know or knowledge in regard to this topic. Plus, the research on the impact of counsellor-client working alliance in group career counselling towards difficulties in making career decision among high school students is still scarce. Therefore, the main purpose of this research is to determine the relationship between counsellor-client working alliance via group career counselling with the difficulties of making career decision among Form IV students in Dungun, Terengganu. Researcher had used quantitative method and employed experimental and correlational research designs to perform this study. A combined sampling technique which involves the use of random group sampling and simple random sampling was used to select the research subjects. 176 students were chosen for experimental research, and 88 students from treatment group were selected for correlational research. Two set questionnaires which were (i) Career Decision Difficulties Questionnaire (CDCQ) and (ii) Working Alliance Inventory (WAI), were used as the means to collect research data, whilst both descriptive and inferential statistical analysis – Pearson Correlation were used to analyse these collected data. The result of this research revealed the presence of difference between post-test's mean and pre-test's mean, while the result resulted from Pearson Correlation showed the presence of negative and low relationship but significant. This study recommends for school authorities and government body such as State Department of Education (JPN) to develop group career counselling session service in schools as well as provide them with sufficient budget as an incentive to strengthen the service.

Keywords: Counsellor-Client Working Alliance, Group Career Counselling, Career Decision Difficulties, Therapeutic Alliance

Pengenalan

Secara amnya, perkembangan kerjaya adalah satu proses yang berterusan yang telah bermula dari zaman kanak-kanak lagi. Individu pada hari ini umumnya sedar akan kepentingan proses untuk membuat keputusan kerjaya yang mana boleh memberi kepuasan dalam kehidupan. Namun, masih ada segelintir individu yang tidak berpeluang atau tidak tahu akan proses kesedaran kerjaya ini. Situasi ini boleh menyebabkan seseorang individu itu tidak dapat membuat keputusan kerjaya yang tepat. Feldman (2003), kemampuan untuk membuat keputusan yang tepat serta positif bagi sesuatu konflik kerjaya yang wujud dalam diri seseorang individu mendorong kepada perlengkapan integrasi sosial. Hal ini kerana memutuskan jalan kerjaya merupakan keputusan dan waktu yang amat penting dalam kehidupan seseorang individu itu (Roy, 2020). Oleh itu, perkhidmatan kaunseling kerjaya

memiliki peranan yang penting dalam diri individu, perkembangan sosial, dan pencegahan kepada situasi berisiko oleh sebab kepesatan dunia yang menuntut kepada persekitaran untuk bergerak seiring dengannya (Blustein et al., 2000).

Hampir tiga dekad yang lalu, Sipon (2000), telah menyenaraikan fungsi khidmat kaunseling di sekolah yang mana beliau menyatakan bahawa sesi kaunseling yang dijalankan di sekolah adalah bertujuan untuk membantu para pelajar mempelajari perkara-perkara yang menjurus kepada eksplorasi kerjaya. Hal ini turut disokong oleh UNESCO (2002) Watson (2016), Shafiq (2019), yang menyatakan bahawa proses kaunseling kerjaya membantu pelajar dalam memberikan wawasan (*insight*), bimbingan, dan sokongan bagi meningkatkan kefahaman dalam diri mereka serta supaya dapat menguruskan pelbagai isu yang berkaitan dengan kerjaya dan cara hidup. Oleh itu, Gladding (1978) telah menyarankan supaya kaedah yang tertentu dan sesuai dimasukkan ke dalam penerangan-penerangan vokasional dalam bentuk yang formal sebagai pelan bimbingan dan kaunseling. McMahon (2021), melaporkan bahawa kerja berkumpulan atau kolaborasi dapat meningkatkan perkembangan kerjaya di kalangan pelajar. Hal ini dapat disimpulkan sebagai sesi kaunseling berkelompok dapat meluaskan pandangan pelajar yang menjadi ahli kaunseling berkelompok tersebut oleh sebab mereka bertukar-tukar pandangan dan dibimbingi oleh guru kaunselor yang berpengalaman. Linkes et al. (2018), turut menyatakan akan kepentingan kaunseling kerjaya berkelompok yang mana ianya merupakan satu bentuk pendidikan-psiko kaunseling yang boleh digunakan dalam kalangan ahli yang mempunyai minat atau matlamat yang sama yang sama-sama mencari hasil yang sama melalui sesi kaunseling.

Sehubungan dengan itu, Cardoso et al. (2021), melaporkan bahawa kerunsingan klien mempunyai hubungan yang signifikan dengan ikatan kerjasama kaunselor-klien. Bahkan, pengaplikasian ikatan kerjasama kaunselor-klien ini ke dalam kaunseling kerjaya berkelompok akan menggalakkan ahli untuk berkongsikan pemikiran diri (*self-disclosed*) didalam kelompok itu (Robak et al., 2013), seterusnya menambah input kepada ahli-ahli yang lain. Selain itu, ikatan kerjasama kaunselor-klien ini juga dilihat amat penting kerana ianya dapat membantu individu dalam pengurusan kebimbangan diri dan depresi (Dambi et al., 2023). Malah, elemen ini iaitu ikatan kerjasama kaunselor-klien dilihat amat penting untuk diberi perhatian kerana ianya juga mempunyai impak kepada keberkesanan kaunseling yang berkait dengan mereka bentuk kehidupan (Wen et al., 2022). Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara ikatan kerjasama kaunselor-klien melalui kaunseling kerjaya berkelompok dengan kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Berdasarkan konteks kajian ini, pelajar sekolah menengah Tingkatan IV dilihat sesuai untuk dipilih sebagai subjek kajian ini. Secara umumnya, pelajar Tingkatan IV di Malaysia terdiri daripada remaja yang berumur 16 tahun yang juga dirujuk sebagai pelajar menengah atas di sekolah menengah (termasuk pelajar Tingkatan V), manakala pelajar Tingkatan I, II, dan III dirujuk sebagai menengah bawah. Merujuk kepada Jabatan Digital Negara (2024), terdapat pelbagai jenis sekolah menengah kerajaan seperti Sekolah Menengah Kebangsaan (Harian; SMK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Seni, Sekolah Sukan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kolej Vokasional (KV) dan Sekolah Menengah Teknik (SMT), dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Terdapat kriteria dan syarat yang tertentu untuk memasuki sekolah-sekolah ini, terutamanya sekolah-sekolah selain SMK, seperti perlu menduduki Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus

(PKSK) untuk menilai kecerdasan pelajar (Juhari, 2024). Selain itu, pelajar menengah atas berada di posisi yang penting kerana mereka mempunyai peluang untuk 'menentukan' masa depan mereka dengan memilih pakej aliran (*i.e.*, Sastera, Agama, STEM) yang membawa kepada laluan bidang kerjaya yang diminati mereka (Permohonan.my, 2024); seterusnya membolehkan mereka untuk memilih bidang pengajian yang mereka minati dan sesuai di peringkat pendidikan tinggi nanti. Sejurus daripada itu, bidang kerjaya mereka turut bergantung kepada bidang pengajian yang akan mereka ceburi. Oleh sebab itu, adalah penting untuk pelajar menengah atas mempunyai pengetahuan dan informasi kerjaya yang mencukupi supaya dapat membantu mereka untuk membuat keputusan kerjaya dengan baik. Namun begitu, hanya pelajar sekolah menengah Tingkatan IV dari SMK sahaja yang dipilih sebagai sampel dalam kajian ini, atas sebab yang dijelaskan lebih lanjut dalam bahagian metodologi kajian.

Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian

Hovarth dan Greenberg (1994) menyatakan bahawa penggunaan teknik dan kemahiran asas kaunseling yang pelbagai dapat mewujudkan dan mengadakan suasana terapeutik yang mampu untuk memberikan kesan yang positif ke atas proses kaunseling. Mohamed (2000) juga telah mendefinisikan kaunseling kepada tiga perkara asas yang perlu diberi perhatian dalam kaunseling, iaitu, (i) hubungan kaunseling memiliki sifat dua hala, (ii) proses kaunseling memerlukan suasana yang terapeutik, dan (iii) hasil kaunseling ditunjukkan melalui pencapaian matlamat seperti berjaya mencapai kesedaran diri tentang konflik yang dihadapi. Suasana yang terapeutik ketika proses kaunseling dijalankan merupakan salah satu faktor yang dapat memberi impak yang signifikan ke atas penglibatan individu dan bagaimana seseorang individu itu mengalami sesi terapi tersebut (Taiwo et al., 2023). Namun begitu, ia sukar untuk mengukur hasil akhir suatu proses kaunseling kerjaya itu kerana menurut Corey (1991), penilaian hasil akhir kaunseling biasanya bersifat subjektif. Oleh itu, penilaian perlu dilakukan berdasarkan maklum balas yang diterima dari pelajar atau kaunselor atau kedua-duanya dengan tujuan untuk mengukur tahap keberkesanan sesi kaunseling yang telah dijalankan.

Para pengkaji, khususnya dalam bidang psikologi dan kaunseling, sentiasa menekankan tentang kepentingan membuat keputusan kerjaya yang tepat dan positif sejak dahulu lagi (Gati & Kulcsár, 2021; Whiston & Rahardja, 2008). Hal ini kerana keputusan kerjaya yang tepat dapat membimbing pelajar menuju hala tuju yang selaras dengan minat, pencapaian, dan nilai. Sekiranya generasi muda pada masa kini khususnya pelajar sekolah menengah berhadapan dengan masalah kesukaran dalam membuat keputusan kerjaya dengan baik, kemungkinan untuk mereka terlibat dalam bidang pengajian yang tidak selaras dengan potensi sebenar mereka akan terjadi. Situasi ini perlu dielakkan supaya Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah digubal pada tahun 1988 ini (Ismail, 2015) dapat dicapai, yang mana ia menggariskan tentang

"... melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara." (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013, p. 9)

Malah, ayat pertama dalam falsafah ini turut menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia merupakan satu daripada usaha-usaha yang berterusan dalam membantu mengembangkan

potensi pelajar secara menyeluruh. Barisan perkataan ini bukan sahaja merujuk kepada guru akademik atau guru sukan semata, malah kepada guru kaunselor juga kerana mereka mempunyai kemahiran dalam membimbing pelajar ke arah mencapai kecemerlangan hidup seperti membantu mereka dalam menghadapi kesukaran membuat keputusan kerjaya. Namun begitu, Balan et al. (2023) melaporkan bahawa kompetensi dan ketangkasan kerjaya kaunselor sekolah dalam membantu pelajar untuk memiliki kemahiran masa depan masih berada pada tahap yang sederhana.

Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kajian lepas yang relevan yang menunjukkan keberkesanan perkhidmatan kaunseling terhadap kebolehan pelajar dalam membuat keputusan kerjaya. Antaranya adalah, Azhenov et al. (2023), membentangkan bukti secara empirikal bahawa kursus “Perkembangan Kerjaya” mampu untuk membantu pelajar dalam membuat keputusan kerjaya. Tambahan pula, Rahim et al. (2021), berjaya membuktikan bahawa kematangan kerjaya yang berfokuskan kepada kompetensi kerjaya dan keupayaan sendiri (*self-efficacy*) pelajar serta penekanan terhadap pemilihan matlamat dan perancangan kerjaya di peringkat pendidikan menengah memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan keadaptasian kerjaya pelajar. Kematangan kerjaya, menurutnya, digambarkan sebagai kebolehan individu untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan pada tingkat tertentu dalam kehidupan. Namun yang menjadi persoalan utama adalah, apakah pemboleh ubah yang mampu memberi impak terhadap kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam proses kaunseling berkelompok dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

Terdapat banyak kajian lepas yang mencadangkan bahawa unsur ikatan kerjasama kaunselor-klien merupakan antara pemboleh ubah yang mampu untuk memberi impak positif terhadap kesukaran membuat keputusan kerjaya (Milot-Lapointe et al., 2018; lihat juga Guay et al., 2006; Masdonati et al., 2009; Ryan & Deci, 2001). Namun begitu, kajian yang melibatkan tentang kesan ikatan kerjasama kaunselor-klien dalam kaunseling kerjaya berkelompok terhadap kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia masih belum dikaji secara meluas. Tambahan pula, melalui tinjauan literatur, tidak banyak kajian yang mengetengahkan isu ini. Oleh itu, pengkaji berharap bahawa kajian ini dapat menjadi titik untuk kajian akan datang untuk mengkaji isu ini. Sebagai tambahan, menjadikan hasil kajian ini sebagai salah satu sumber maklumat tambahan kepada pihak sekolah tentang keberkesanan kaunseling kerjaya berkelompok, merupakan salah satu kepentingan kajian ini.

Berikut merupakan persoalan kajian yang telah diutarakan didalam kajian empirikal ini:

- 1) Apakah tahap kesukaran membuat keputusan kerjaya pelajar Tingkatan IV sebelum dan selepas kaunseling kerjaya berkelompok dijalankan di sekolah yang dikaji?
- 2) Adakah terdapat hubungan antara ikatan kerjasama kaunselor-klien dengan kesukaran membuat keputusan kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah yang dikaji?

Kajian Literatur

Teori dan Literatur Sedia Ada Tentang Kaunseling Kerjaya Berkelompok, Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien, dan Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya

Proses Membuat Keputusan Kerjaya dalam Model PIC

Model *Prescreening, In-depth exploration, and Choice* (PIC) melibatkan beberapa peringkat dalam proses membuat keputusan kerjaya. Gati dan Asher (2001) yang memperkenalkan model ini telah mengasingkan proses membuat keputusan kerjaya kepada tiga peringkat, iaitu (i) peringkat Pra Pemeriksaan, (ii) peringkat Penerokaan Mendalam, dan (iii) peringkat Pilihan. Asher (2001), matlamat pada peringkat pertama iaitu Pra Pemeriksaan (*Prescreening*) adalah untuk mengurangkan bilangan alternatif kerjaya supaya hanya set kecil alternatif yang menjanjikan dan layak untuk diteroka sahaja yang ditinggalkan. Matlamat pada peringkat kedua iaitu Penerokaan Mendalam (*In-depth exploration*) pula adalah untuk mencari alternatif yang menjanjikan, yang mempunyai potensi kepada individu tersebut dengan cara mengumpul maklumat tentang setiap alternatif yang berpotensi; seterusnya memeriksa sama ada alternatif tersebut sesuai dengan individu tersebut, dan sama ada individu tersebut sesuai dengan keperluannya (Gati & Asher, 2001). Matlamat peringkat ketiga yang juga terakhir iaitu Pilihan (*Choice*) adalah untuk membantu individu membuat keputusan mengenai kerjaya atau pekerjaan yang bersesuaian (Gati & Asher, 2001).


Model Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien

Model Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien Bordin (Bordin, 1976) telah menjadi asas kepada pembentukan teori dalam kajian ini. Menurut Bordin (1976), model ini mempunyai asas kepada kepercayaan bahawa apa-apa jenis hubungan monolog akan mewujudkan kerjasama antara kaunselor dengan klien melalui penghilangan rasa keraguan, baik dari segi pemikiran, perasaan, mahupun perlakuan. Hal ini akan seterusnya dapat memberi peluang dan ruang kepada klien untuk berfikir, berperasaan, dan bertingkah laku dengan betul (Bordin, 1976). Menurut Bordin (1976) lagi, kewujudan ikatan kerjasama antara kaunselor dengan klien akan menyebabkan klien untuk lebih menerima dan mengikuti proses intervensi dan rawatan dengan hati yang terbuka. Dalam model ini, Bordin telah memberikan penekanan terhadap tiga komponen asas yang wujud dalam ikatan kerjasama kaunselor-klien, iaitu:

- i. Persefahaman Tugas
 - a) merujuk kepada tingkah laku dan pemikiran semasa proses kaunseling
 - b) kaunselor dan klien harus melihat tugas yang mereka lalui sebagai penting dan bermakna
 - c) kedua-dua pihak harus menerima tanggungjawab untuk memenuhi tugas tersebut
- ii. Ikatan Emosi
 - a) terhasil asbab jaringan kompleks antara kaunselor dengan klien
 - b) meliputi kepercayaan bersama; penerimaan dan keyakinan antara klien dengan kaunselor
- iii. Persekepakatan Matlamat
 - a) dicirikan melalui kerjasama dalam penentuan dan penilaian hasil akhir kaunseling
 - b) ianya dilihat sebagai kunci elemen penyatuan dalam pembentukan ikatan kerjasama kaunselor-klien

Rajah 1

Merupakan Model Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien Yang Dibangunkan Oleh Bordin (1976) Yang Meringkaskan Tentang Hubungan Kaunselor Dengan Klien



Rajah 1. Model ikatan kerjasama kaunselor-klien (Bordin, 1976)

Kajian Lepas tentang Kaunseling Kerjaya Berkelompok, Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien, dan

Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya

Xie et al. (2023) telah menjalankan kajian reka bentuk eksperimental untuk mengkaji pengaruh kaunseling berkelompok terhadap plan dan kematangan kerjaya ke atas pelajar lelaki dalam bidang kejururawatan. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa skala penilaian untuk status kerjaya dan kematangan kerjaya bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan yang tidak menerima rawatan kaunseling berkelompok (Xie et al., 2023). Zammitti et al. (2023) juga telah membuktikan secara empirikal bahawa kaunseling kerjaya kelompok secara maya memberi kesan yang positif ke atas 30 orang pelajar universiti (kumpulan eksperimental) dari segi pengadaptasian kerjaya. Peng et al. (2020) juga melaporkan dapatan yang sama, yang mana pelajar yang menyertai kaunseling kerjaya berkelompok dapat mengadaptasi dengan pusat kaunseling. Perkara menarik tentang kajian mereka ini adalah mereka mengintegrasikan sekali kaunseling individu dan tutor rakan sebaya. Oleh itu, apabila terdapat ahli kumpulan yang mempunyai masalah emosi dan interpersonal yang serius, mereka ini akan mencari kaunselor di pusat kaunselor kolej untuk emndapatkan sesi kaunseling individu (Peng et al., 2020).


Ikatan kerjasama kaunselor-klien (*counsellor-client working alliance*) yang juga dikenali sebagai ikatan terapeutik (*therapeutic alliance*; Gelso & Kline, 2019) dilihat sebagai komponen yang penting dalam dunia kaunseling (Auerbach et al., 2008) dan proses terapi (Schmidt et al., 2023). Doran (2016) dalam Cruwys et al. (2023) menyatakan bahawa ikatan kerjasama ini merupakan “bahan asas” ke arah perubahan. Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Schmidt et al. (2023), dapatan kajian menunjukkan bahawa pembinaan ikatan kerjasama kaunselor-klien yang awal adalah perlu dalam proses terapeutik. Sebagai contoh, kaunselor perlu memberi perhatian terhadap kesedaran diri dan keperluan sokongan sosial oleh klien kerana hal ini mampu untuk mempengaruhi ikatan kerjasama kaunselor-klien (Schmidt et al., 2023) sepanjang proses kaunseling nanti. Di samping itu, Novella dan Ng (2024) juga melaporkan bahawa analisis regresi yang dijalankan oleh mereka mencadangkan

ikatan kerjasama terapeutic mampu untuk merawat kerisauan (*anxiety*) dalam kalangan pelajar. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa ikatan kerjasama kaunselor-klien mempunyai peranan yang penting dalam memastikan suatu sesi kaunseling atau terapi itu berakhir dengan baik dan menghasilkan hasil yang positif.

Seterusnya, setiap individu pasti perlu melalui fasa membuat keputusan kerjaya (Lent & Brown, 2020; dalam Milot-Lapointe & Corff, 2022). Walaupun terdapat individu yang mampu untuk membuat keputusan ini dengan mudah dan tanpa memerlukan bimbingan orang lain, namun masih ramai individu yang berhadapan dengan kesukaran dalam membuat keputusan kerjaya mereka (Gati et al., 1996) dan menjadi faktor mereka untuk mencari kaunselor kerjaya (Gati & Levin, 2013). Merujuk kepada Fatimah (2020), antara sebab seseorang individu itu sukar untuk melakukan keputusan kerjaya adalah kerana (i) kekurangan ilmu pengetahuan berkaitan perkara yang melibatkan proses membuat keputusan, (ii) kurangnya informasi tentang diri, (iii) kurang maklumat tentang jenis kerjaya, dan (iv) kurang maklumat tentang cara atau kaedah untuk mendapatkan data tambahan. Berdasarkan kajian literatur yang telah dijalankan oleh Chuang et al. (2020), kesedaran diri dalam membuat keputusan kerjaya (*career decision-making self-efficacy*, CDMSE) dan profil membuat keputusan kerjaya (*career decision-making profile*, CDMPE) mempunyai impak ke atas pembuatan keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar. Oleh itu, adalah disarankan kepada guru-guru kaunselor di sekolah-sekolah untuk mentadbir dan melaksanakan sesi kaunseling kerjaya bagi membantu pelajar dalam proses memilih dan membuat keputusan kerjaya.

Kerangka Konseptual antara Ikatan Kerjasama Klien dengan Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya

Kerangka konseptual seperti yang digambarkan di dalam Rajah 2 dibangunkan dengan tujuan untuk melihat hubungan yang mungkin wujud antara ikatan kerjasama kaunselor-klien yang merupakan pemboleh ubah tidak bersandar, dengan kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang merupakan pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan rajah ini, pengkaji memanipulasi pemboleh ubah tidak bersandar untuk melihat kesan atau impak terhadap pemboleh ubah bersandar kajian ini. Seperti yang telah dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa ikatan kerjasama mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesukaran membuat keputusan kerjaya.



Rajah 2. Kerangka konseptual penyelidikan (kajian korelasi)

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif sebagai kaedah kajian dengan menggunakan reka bentuk kajian eksperimental dan kajian korelasi bagi menjawab persoalan dan objektif kajian secara sah dan tepat. Penggunaan kaedah kuantitatif membolehkan pengkaji untuk membuat generalisasi terhadap data yang diperoleh, membezakan, dan menilai kesukaran responden

untuk membuat keputusan kerjaya mereka tanpa bias oleh sebab data-data tersebut telah dikuantitatifkan. Reka bentuk kajian eksperimental ujian pra-ujian pasca dengan kumpulan kawalan digunakan di dalam kajian adalah bertujuan untuk mengkaji kesan ikatan kerjasama kaunselor-klien terhadap kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Reka bentuk korelasi pula digunakan untuk menentukan hubungan antara pembolehubah yang tidak bersandar (ikatan kerjasama kaunselor-klien) dengan pembolehubah yang bersandar (kesukaran membuat keputusan kerjaya dan kepuasan hidup). Tambahan pula, Bradley University (2024) menyatakan bahawa kajian korelasi adalah sesuai untuk digunakan didalam kajian yang mempunyai objektif untuk mengkaji hubungan yang mungkin wujud diantara pembolehubah-pembolehubah yang ingin dikaji.


Populasi dan Persampelan

Bagi menjalankan kajian ini, pelajar sekolah menengah yang berada di Tingkatan IV dari empat (4) buah sekolah menengah harian; sekolah-1, $S_1 = 180$ orang pelajar; sekolah-2, $S_2 = 164$ orang pelajar; sekolah-3, $S_3 = 158$ orang pelajar; sekolah-4, $S_4 = 155$ orang pelajar; yang terletak di daerah Dungun, Terengganu, telah dipilih sebagai sampel kajian. Sebab utama pemilihan pelajar Tingkatan IV adalah kerana (i) mereka tiada komitmen yang mengikat mereka seperti pelajar Tingkatan V yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan (ii) pelajar yang berumur 15 ke 17 tahun merupakan fasa mereka meneroka di tahap tentatif (tidak muktamad) berdasarkan Teori Perkembangan Kerjaya Super (1971, 1990; di dalam Halit, 2007). Tambahan pula, daerah Dungun telah dipilih sebagai lokasi kajian adalah kerana sekolah-sekolah menengah di daerah berkenaan memenuhi keperluan kajian; bahkan, hasil dapatan kajian rintis yang akan diterangkan kemudian mengukuhkan lagi sebab lokasi ini dipilih sebagai lokasi kajian. Oleh itu, pengkaji memutuskan bahawa pelajar Tingkatan IV adalah kelompok yang amat sesuai untuk dilibatkan didalam sesi kaunseling kerjaya bagi membantu mereka dalam proses penerokaan ini.

Di samping itu, kaedah persampelan secara kombinasi iaitu persampelan rawak kelompok dan rawak mudah telah digunakan oleh pengkaji didalam kajian ini. Antara faktor teknik persampelan rawak kelompok dilihat sesuai dan merupakan pilihan yang terbaik untuk digunakan didalam kajian ini berbanding teknik yang lain adalah kerana ianya memudahkan pengkaji untuk menemui responden kajian memandangkan mereka terkumpul di satu tempat (Sidek, 2009) tetapi berlainan lokasi (*i.e.*, 4 buah sekolah di Dungun). Sehubungan dengan itu, teknik persampelan rawak mudah pula digunakan untuk memilih pelajar dari setiap sekolah yang juga bertujuan untuk mengasingkan sampel kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

Dengan merujuk kepada Cohen (1992), bilangan saiz sampel yang diperlukan untuk kajian ini adalah seramai 84 orang (kesan yang sederhana = .30; pada aras signifikan $\alpha = .05$; dengan kuasa yang dikehendaki .80). Berdasarkan keputusan ini, pengkaji telah memutuskan untuk menyelaraskan keperluan saiz sampel kepada 88 orang bagi memudahkan aktiviti persampelan secara rawak mudah (88 orang pelajar Tingkatan IV untuk setiap kumpulan bagi kajian eksperimental [satu kumpulan eksperimen dan satu kumpulan kawalan]; 88 orang pelajar untuk kajian korelasi). Menurut Corey (2001), bilangan ahli yang sesuai untuk suatu kaunseling kelompok adalah antara 6 hingga 12 orang ahli. Oleh yang demikian, daripada 88

orang pelajar yang telah dipilih secara rawak mudah, yang mana setiap 22 orang pelajar mewakili setiap sekolah, telah diputuskan oleh pengkaji untuk dibahagikan kepada dua – 11 orang untuk setiap kumpulan dalam kajian eksperimental seperti yang telah diilustrasikan dalam Rajah 3 di bawah.



Rajah 3. Persampelan kajian secara kombinasi persampelan rawak kelompok dan rawak mudah

Ujian Pra Sampel Kajian

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, 4 buah sekolah di daerah Dungun, Terengganu telah dipilih sebagai lokasi kajian. Ujian pra ke atas semua pelajar Tingkatan IV di keempat-empat sekolah tersebut telah dijalankan oleh pengkaji bagi memenuhi keperluan reka bentuk kajian eksperimental. Antara tujuan utama pelaksanaan ujian pra sampel ini adalah untuk mengelakkan berlakunya regresi statistik, iaitu melalui pengasingan sampel yang mungkin memperoleh markah ekstrim tinggi atau terlalu rendah. Oleh itu, hanya pelajar Tingkatan IV yang memperoleh markah sederhana yang akan dipilih melalui persampelan rawak mudah. Instrumen bagi pemboleh bersandar bagi kajian ini iaitu Inventori Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (KMKK) telah diedarkan kepada semua pelajar Tingkatan IV di keempat-empat buah sekolah sebagai usaha untuk mengelakkan daripada terjadinya regresi statistik.

Instrumen Kajian

Pengkaji telah menggunakan dua set soal selidik iaitu (i) Inventori Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (KMKK), dan (ii) Inventori Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien (IKKK). Inventori KMKK yang asalnya adalah *Career Decision Difficulties Questionnaire* (CDCQ) yang telah dibangunkan oleh Gati et al. (2000) ini telah diterjemahkan oleh pengkaji yang kemudiannya dipastikan kesahannya oleh dua orang panel bahasa dan kajian rintis. Inventori IKKK yang nama asalnya adalah *Working Alliance Inventory* (WAI), yang mana telah dibina oleh Horvath dan Greenberg pada tahun 1989 pula telah diterjemahkan oleh Hilmi Ahmad Shagir pada tahun 2006. Berikut adalah jadual yang meringkaskan perincian setiap set soalan:

Jadual 1

Dua Set Borang Soal Selidik (Instrumen) Beserta Jumlah Item, Kategori/Skala Yang Terkandung Didalam Soal Selidik, Dan Julat Skor

Instrumen	Jumlah Item	Kategori / Skala	Julat Skor
Inventori Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (KMKK)	34 item, dinilai menggunakan 9-mata skala Likert	<i>Kategori I: Kurang Persediaan</i> Mengandungi 3 sub skala: (i) kurang motivasi, (ii) tidak dapat membuat keputusan dengan baik, (iii) kepercayaan yang berkaitan dengan tingkah laku interpersonal yang tidak sihat <i>Kategori II: Kekurangan Maklumat</i> Mengandungi 4 sub skala: (i) kekurangan pengetahuan tentang proses, (ii) kekurangan maklumat tentang kelemahan diri, (iii) kekurangan maklumat tentang pekerjaan, (iv) kekurangan maklumat tentang cara mendapatkan maklumat tambahan <i>Kategori III: Maklumat yang tidak tetap</i> Mengandungi tiga sub skala: (i) maklumat yang tidak boleh dipercayai, (ii) konflik dalaman, (iii) konflik luaran	Dari 1 (sangat tidak menggambarkan saya) ke 9 (sangat menggambarkan saya)
Inventori Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien (IKKK)	36 item, dinilai menggunakan 7-mata skala Likert	Dibahagikan kepada tiga skala:	Dari 1 (tidak pernah sama sekali) ke 7 (amat sangat kerap)
		(i) perjanjian mengenai Matlamat, (ii) perjanjian mengenai Tugas, (iii) kualiti Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien.	

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian*Kajian Rintis*

Sebelum pengkaji menjalan kajian yang sebenar, kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu bagi menguji kebolehpercayaan instrumen dengan menggunakan kaedah konsistensi dalaman; melalui prosedur alpha Cronbach. Bagi menjalankan kajian rintis ini, seramai 22

orang pelajar Tingkatan IV dari satu sekolah menengah lain yang juga terletak di daerah Dungun, Terengganu telah dipilih secara rawak mudah. Kajian telah dijalankan selama satu bulan. Jadual 2 dibawah merupakan hasil kajian rintis dalam menguji kebolehpercayaan instrumen:

Jadual 2

Hasil Keputusan Kajian Rintis Terhadap Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Instrumen	Min	Sisihan Piawai	Alpha Cronbach
Inventori Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (KMKK)	239.35	87.794	.890
Inventori Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien (IKKK)	98.30	34.182	.953

Berdasarkan jadual di atas, kebolehpercayaan instrumen adalah antara .890 dengan .953 yang mana nilai ini merupakan nilai yang tinggi dan amat sesuai untuk diguna pakai ke dalam kajian yang sebenar.

Kajian Sebenar: Pentadbiran Sesi Kaunseling Berkelompok

Kajian eksperimental telah dijalankan selama satu bulan dengan menggunakan dua instrumen kajian seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bagi setiap tempoh yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, sesi kaunseling kerjaya berkelompok melalui pengaplikasian ikatan kerjasama kaunselor-klien telah dijadikan sebagai rawatan untuk kumpulan eksperimen. Setiap pelajar dari kumpulan eksperimen ini telah menjalani sesi kaunseling kerjaya berkelompok sebanyak empat sesi; satu minggu satu sesi; dan tempoh masa sesi kaunseling tersebut berlangsung selama satu jam setengah ke dua jam. Seterusnya, seramai dua orang guru kaunselor dari setiap sekolah kajian telah direkrut sebagai pelaksana rawatan. Hal ini bermaksud seramai lapan orang guru kaunselor dari Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah telah berindak sebagai pelaksana rawatan bagi kajian ini. Peranan dua orang guru kaunselor di setiap sekolah ini adalah untuk mengawal kumpulan eksperimen dan kawalan. Pun begitu, pengkaji turut melakukan pemerhatian bagi memastikan bahawa proses kajian berjalan seiring pelan yang telah disusun pengkaji. Sebagai tambahan, hanya kumpulan eksperimen yang telah menerima rawatan sesi kaunseling berkelompok yang dikendalikan oleh guru kaunselor yang telah direkrut. Bagi kumpulan kawalan pula, tiada apa-apa rawatan yang dibenarkan untuk dijalankan ke atas mereka didalam tempoh satu bulan kajian ini.

Penganalisisan Data

Kajian ini telah menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensi bagi menganalisis data-data yang telah dikumpulkan didalam kajian ini dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0.1. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama yang berkaitan dengan tahap kesukaran membuat keputusan kerjaya pelajar Tingkatan IV sebelum dan selepas kaunseling kerjaya berkelompok, manakala analisis statistik inferensi iaitu Korelasi Pearson telah digunakan bagi menjawab persoalan kajian kedua yang telah membentuk satu hipotesis (H_{01}).

Keputusan Kajian*Demografi Kajian*

Jadual 3 menunjukkan hasil taburan demografi responden – pelajar Tingkatan IV – yang terpilih melalui persampelan secara rawak kelompok:

Jadual 3

Rumusan taburan pelajar Tingkatan IV berdasarkan jantina

Sekolah	Jantina		Jumlah dan Peratus (%)
	Lelaki (L)	Perempuan (P)	
S1	88	92	180 (27.4%)
S2	70	94	164 (25%)
S3	77	81	158 (24%)
S4	75	80	155 (23.6%)
Jumlah	310	347	657 (100%)

Berdasarkan Jadual 3, S1 mempunyai seramai 180 orang pelajar Tingkatan IV yang bersamaan dengan 27.4% (88L, 92P), S2 terdiri daripada 164 pelajar Tingkatan IV yang bersamaan dengan 25% (70L, 94P), 158 orang (24%; 77L, 81P) di S3, dan seramai 155 orang pelajar yang Tingkatan IV yang berdaftar di S4 (23.6%; 75L, 80P).

Hasil Keputusan Ujian Pra Sampel Kajian Terhadap Pemerolehan Markah

Merujuk kepada Jadual 4, kesemua sampel pelajar Tingkatan IV yang berjumlah seramai 657 orang telah diberikan ujian pra:

Jadual 4

Hasil Keputusan Ujian Pra Sampel Kajian Yang Telah Dipilih Melalui Persampelan Secara Rawak Mudah

Sekolah	Frekuensi Markah Ujian Pra			Jumlah
	Tinggi	Sederhana	Rendah	
S1	18 (10%)	154 (86%)	8 (4%)	180
S2	15 (9%)	141 (86%)	8 (5%)	164
S3	16 (10%)	136 (86%)	6 (4%)	158
S4	12 (8%)	136 (88%)	7 (4%)	155
Jumlah	657 (100%)			

Ujian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memilih pelajar yang memperoleh markah sederhana sahaja sebagai subjek kajian bagi mengelakkan berlakunya regresi statistik seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa majoriti pelajar Tingkatan IV mendapat markah yang sederhana didalam ujian pra ini, sementara hanya sebilangan kecil pelajar yang menerima markah tinggi dan rendah. Jadual 4 menunjukkan bahawa seramai 154 orang pelajar di S1 (86%) memperoleh markah yang sederhana, diikuti oleh S2 dan S3 yang mana masing-masing memiliki nilai peratusan yang sama dengan pelajar di S1, iaitu 86%; walaupun masing-masing mempunyai nilai fizikal yang berbeza (141 orang dan 136 orang masing-masing). Seramai 136 orang elajar Tingkatan IV di S4 juga memperoleh markah yang sederhana, walaupun nilai peratusnya lebih sebanyak 2%.

Tahap Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya Pelajar Tingkatan IV Sebelum Dan Selepas Kaunseling Kerjaya Berkelompok

Berdasarkan Jadual 5, hasil rumusan analisis ujian pra kumpulan eksperimen bagi min pemboleh ubah kesukaran membuat keputusan kerjaya adalah $M = 76.81$ ($SP = 19.005$), manakala min pemboleh ubah bagi kumpulan kawalan adalah $M = 76.38$ ($SP = 18.883$).

Jadual 5

Dapatan Analisis Ujian Pra Dan Ujian Pasca Untuk Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Bagi Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh Ubah Kajian	Analisis Ujian Pra Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan			
	Ujian Pra Kumpulan Eksperimen		Ujian Pra Kumpulan Kawalan	
	Min	Sisihan Piawai (SP)	Min	(SP)
Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya	76.81	19.005	76.38	18.883
	Analisis Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan			
	Ujian Pra Kumpulan Eksperimen		Ujian Pra Kumpulan Kawalan	
	Min	Sisihan Piawai (SP)	Min	(SP)
	273.73	14.399	76.53	18.977

$N = 88$ bagi setiap kumpulan subjek.

Seterusnya, jadual juga menunjukkan min pemboleh ubah kesukaran membuat keputusan kerjaya bagi ujian pasca kumpulan eksperimen dan kawalan, yang mana min untuk kumpulan eksperimen adalah $M = 273.73$ ($SP = 14.399$); sementara kumpulan kawalan mempunyai min $M = 76.53$ (18.977). Berdasarkan rumusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa kumpulan eksperimen menunjukkan perbezaan antara min ujian pasca dengan ujian pra yang tinggi, iaitu sebanyak 196.92. Kumpulan kawalan pula menunjukkan perbezaan min yang sangat rendah, iaitu hanya sebanyak 0.15.

Hubungan Antara Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien dengan Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya

Hipotesis 1 (H_{01}): Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ikatan kerjasama kaunselor-klien dengan kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Merujuk kepada Jadual 6, hasil Korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang rendah tetapi signifikan [$r(88) = -0.34$, $P = 0.029$ pada $p < 0.05$]. Dengan ini, H_{01} yang menyatakan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara IKKK dengan KMKK adalah ditolak.

Jadual 6

Korelasi Bagi Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien (Ikkk) Dengan Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya

	Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien (Min IKKK)	Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (Min KMKK)
Min IKKK Pearson	-0.34	-0.34
Sig. (1 hujung)	0.029*	0.029*
N	88	88

*Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Perbincangan Dan Implikasi

Hasil analisis yang telah dibentangkan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara min ujian pasca dengan min ujian pra untuk kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan, yang mana hasil keputusan kajian telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan min yang tinggi bagi kumpulan eksperimen, iaitu kumpulan yang telah menerima rawatan kaunseling kerjaya berkelompok. Keputusan ini menyimpulkan bahawa sesi kaunseling kerjaya berkelompok adalah berkesan dan mampu memberi impak kepada pelajar Tingkatan IV di keempat-empat buah sekolah ini dalam mengurangkan tahap kesukaran membuat keputusan kerjaya mereka. Keputusan kajian yang telah diperoleh oleh Azhenov et al. (2023) turut menyokong hasil kajian ini, dimana pelajar yang telah didedahkan dengan kursus “Perkembangan Kerjaya” selama 15 minggu menghadapi kesukaran yang rendah untuk membuat keputusan kerjaya berbanding dengan kumpulan pelajar yang tidak didedahkan kepada kursus ini. Maree dan Magere (2023) juga melaporkan bahawa pelajar yang mengikuti lapan minggu sesi kaunseling pembinaan kerjaya kebanyakannya berjaya meningkatkan kemampuan mereka dalam membuat keputusan kerjaya. Berdasarkan kepada hasil kajian ini dan kajian-kajian lepas, dapat dibuktikan bahawa kaunseling kerjaya yang dijalankan merupakan salah satu usaha untuk membantu pelajar dalam membuat keputusan kerjaya mereka. Hal ini lebih-lebih lagi terlihat penting untuk didedahkan kepada pelajar sekolah menengah kerana mereka perlu memilih bidang atau kursus pelajaran yang sesuai dengan potensi dan minat mereka serta yang menghala ke arah bidang kerjaya yang diminati di institusi pengajian tinggi nanti.

Secara deskriptif pula, pengkaji ingin menyatakan yang hasil dapatan kajian ini telah membuktikan secara empirikal bahawa sesi kaunseling kerjaya berkelompok menggunakan ikatan kerjasama kaunselor-klien telah berjaya membantu pelajar dalam membuat keputusan kerjaya. Perkara ini turut disokong oleh Masdonati et al. (2009), yang melaporkan bahawa elemen ikatan kerjasama kaunselor-klien dapat membantu dalam membuat keputusan kerjaya. Bahkan, dapatan kajian ini turut cenderung kepada membuktikan bahawa unsur ikatan kerjasama kaunselor-klien ini merupakan faktor yang penting kepada kaunseling kerjaya; bukan sahaja ketika sesi psikoterapi atau kaunseling personal.

Seterusnya, analisis statistik inferensi ujian Korelasi Pearson telah pengkaji gunakan untuk menjawab persoalan kajian kedua yang membentuk satu hipotesis *null* (H_{01}). Analisis ini digunakan bagi menguji sama ada wujud hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah tidak bersandar ikatan kerjasama kaunselor-klien (IKKK) dengan pemboleh ubah bersandar kesukaran membuat keputusan kerjaya (KMKK). Berdasarkan hasil dapatan yang telah dibentangkan di bahagian yang sebelumnya, didapati bahawa hubungan signifikan antara dua

pemboleh ubah ini wujud. Hal ini bermaksud keterlibatan pelajar didalam sesi kaunseling kerjaya berkelompok ini – merentas masa – akan membantu dalam menurunkan tahap kesukaran yang dihadapi pelajar dalam membuat keputusan kerjaya mereka. Perkara ini juga turut dilaporkan oleh Masdonati et al. (2013), yang mana IKKK mampu untuk mengurangkan tahap kesukaran dalam membuat keputusan kerjaya melalui peningkatan maklumat tentang kerjaya. Sebagai tambahan, Pignault et al. (2023), melaporkan di dalam kajian mereka bahawa perkembangan yang subur (*flourishing*) dari segi psikologi mempunyai korelasi yang positif dengan tindakan dalam membuat keputusan kerjaya. Perkara ini dapat disimpulkan sebagai rawatan atau intervensi kaunseling mampu untuk membantu pelajar dalam membuat keputusan kerjaya dengan memberikan sokongan dan dukungan serta bimbingan. Tuntasnya, keputusan analisis ini secara langsung telah menolak pernyataan H_{01} yang menafikan kewujudan hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji ini.

Implikasi Kajian

Salah satu implikasi kajian yang jelas adalah pembuktian kajian ini terhadap hubungan negatif tetapi signifikan yang wujud antara ikatan kerjasama kaunselor-klien melalui kaunseling berkelompok dengan kesukaran membuat keputusan kerjaya. Dengan merujuk kepada Teuscher (2003), beliau menyatakan bahawa bimbingan kaunseling mampu untuk mengoptimalkan tingkah laku seseorang individu dalam membuat keputusan. Oleh itu, amat disarankan kepada pihak sekolah untuk menerima perkhidmatan sesi kaunseling kerjaya bagi membantu para pelajar dalam membuat keputusan kerjaya mereka. Sehubungan dengan itu, pengkaji juga ingin menegaskan tentang khidmat dan peranan guru kaunselor sekolah yang mempunyai pengalaman yang baik serta merupakan entiti yang lebih memahami akan perkembangan psikologi para pelajar. Oleh itu, ianya dilihat amat penting untuk menitikberatkan tentang pengalaman kaunselor ketika sesi kaunseling kerana menurut Kivlighan et al. (1998), penyeimbangan sikap serta keperluan pergantungan klien dalam hubungan kaunselor-klien memberi kesan kepada peranan atas faktor pengalaman kaunselor itu.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan aplikasi praktikal melalui hasil kajian yang mana pelajar Tingkatan IV merupakan golongan yang sesuai untuk diberikan sesi kaunseling kerjaya berkelompok. Hal ini juga berkait dengan peralihan peringkat pembelajaran mereka, iaitu dari peringkat sekolah menengah rendah ke peringkat sekolah menengah atas. Secara umumnya, mereka pada peringkat ini berada didalam pelbagai aliran pembelajaran, seperti aliran sains tulen, perakaunan, dan juga seni. Penawaran subjek yang berbagai-bagai ini adalah sebagai salah satu langkah ke arah merealisasikan konsep pensijilan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) terbuka seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Situasi ini juga membenarkan para pelajar untuk memilih aliran kelas persekolahan mereka yang berdasarkan kepada aras pengetahuan, tahap kemahiran, minat dalam sesuatu bidang, dan juga pencapaian akademik. Oleh itu, dilihat amat penting untuk memberikan mereka bantuan seawal yang mungkin dalam membantu mereka mendapatkan perkembangan kerjaya yang sewajarnya.

Limitasi Dan Cadangan Kajian

Limitasi Kajian dan Cadangan untuk Kajian Lanjutan

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kajian ini hanya berfokus kepada sekolah menengah harian biasa (SMK) sahaja. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk menggunakan bentuk kajian yang sama dan cuba dijalankan di

sekolah berasrama penuh, bandar besar, atau di sekolah yang berlatar belakang silang budaya. Cadangan ini adalah untuk melihat kemantapan dan ketekalan kaunseling kerjaya berkelompok di persekitaran dan budaya sekolah yang lain, yang berkemungkinan akan memberi hasil keputusan kajian yang berlainan dengan hasil kajian ini. Adalah juga dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk menggunakan kaedah kajian kualitatif atau kaedah gabungan (*mixed-method*) supaya pengkaji prospek dapat meneroka pemikiran dan/atau pengalaman pelajar yang akan menjadi subjek kajian. Menurut Wasti et al. (2022), kaedah gabungan dalam kajian dapat membantu pengkaji untuk memahami gambaran secara holistik melalui data yang diperoleh daripada temu bual atau pemerhatian terhadap trait dalam populasi, yang mana data ini diperoleh melalui tinjauan. Kesimpulannya, kaedah ini akan menambahkan kedalaman dan keluasan (*depth and breadth*) kepada sesuatu kajian itu (Wasti et al., 2022).

Selain itu, kajian ini telah membuktikan bahawa sesi kaunseling kerjaya berkelompok dapat memberikan kesan yang positif kepada para pelajar dalam membuat keputusan kerjaya. Namun begitu, pelaksanaan sesi kaunseling kerjaya berkelompok ini banyak bergantung kepada kaedah perlaksanaannya, iaitu sama ada mengikut piawai ataupun tidak. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian lanjutan berkenaan topik ini dijalankan di sekolah-sekolah yang terletak di daerah atau negeri lain.

Cadangan kepada pihak sekolah dan kerajaan

Cadangan ini dianjurkan kepada pihak berkepentingan dalam pendidikan, seperti pihak sekolah dan sektor kerajaan yang berkaitan. Yang pertama dan dilihat amat penting adalah membuang stigma bahawa pelajar yang ke bilik kaunseling di sekolah adalah bermasalah. Hal ini perlu diperbetulkan supaya setiap pelajar mempunyai peluang yang sama untuk menerima bantuan atau sokongan dari segi psikologi dan lain-lain yang berkaitan dengan kaunseling. Oleh itu dan dalam konteks kajian ini, guru kaunselor sekolah disarankan untuk mengetengahkan sesi kaunseling kerjaya berkelompok kepada pihak pengurusan sekolah. Sebagai contoh, guru-guru kaunselor boleh bekerjasama dengan pusat perkembangan kurikulum untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk mengkaji cadangan atau usul dalam mengembangkan perkhidmatan bimbingan kaunseling di sekolah; dengan menjadikan perkhidmatan sesi kaunseling kerjaya secara kelompok sebagai salah satu aktiviti yang wajib atau rasmi di sekolah. Secara tidak langsung, para pelajar akan terdedah dengan sifat sebenar perkhidmatan sesi kaunseling yang ada di sekolah mereka.

Seterusnya, sektor kerajaan seperti Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) disarankan untuk mengadakan sebaran maklumat kepada sekolah-sekolah akan kepentingan keseimbangan antara usaha dalam meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar dengan perkembangan kerjaya, yang boleh dilaksanakan melalui program-program seperti Karnival Akademik dan Kerjaya yang mengetengahkan bidang akademik atau vokasional yang terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi. Melalui program seperti ini, pihak sekolah dan JPN akan dapat membantu meluaskan pandangan pelajar terhadap dunia selepas alam persekolahan dan pilihan atau peluang yang mereka mungkin miliki. Di samping itu, perkhidmatan kaunseling kerjaya di sekolah juga perlu disediakan dengan peruntukan kewangan yang secukupnya sepertimana peruntukan yang disediakan untuk aktiviti bagi meningkatkan kecemerlangan akademik. Saranan ini boleh dilihat sebagai insentif untuk guru kaunselor dan pihak sekolah

dalam memperkasakan lagi program atau perkhidmatan kaunseling kerjaya di sekolah mereka.

Akhir sekali, melalui kajian ini, ianya dapat dibuktikan bahawa ikatan kerjasama kaunselor-klien yang telah digunakan dalam sesi kaunseling kerjaya berkelompok adalah berkesan, yang mana ianya dapat memandu para pelajar untuk meneroka kesukaran yang dihadapi dalam membuat keputusan kerjaya. Oleh itu, adalah sangat wajar untuk guru kaunselor sekolah menengah mengaplikasikan kemahiran membina ikatan kerjasama kaunselor-klien ketika sesi kaunseling kerjaya berkelompok dijalankan di sekolah masing-masing. Oleh yang demikian, pembacaan dan penerokaan terhadap komponen ikatan kerjasama kaunselor-klien (IKKK) perlu dipertingkatkan di kalangan guru kaunselor bagi membolehkan mereka mengaplikasi kemahiran IKKK ini secara meluas. Pegetahuan tentang perkara ini boleh diperolehi melalui kursus-kursus jangka pendek yang menengetengahkan tentang kemahiran membina IKKK, serta rujukan daripada pensyarah-pensyarah yang berpengalaman dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini telah berjaya menjawab persoalan kajian yang telah diutarakan serta mencapai tujuan dan matlamatnya. Secara keseluruhannya, sesi kaunseling kerjaya berkelompok yang telah dijalankan selama sebulan ini telah berjaya meninggalkan impak yang besar kepada pelajar dalam membuat keputusan kerjaya. Disini juga dapat disimpulkan bahawa unsur ikatan kerjasama kaunselor-klien (IKKK) telah terbukti amat sesuai untuk dijadikan sebagai asas dalam membina satu suasana kaunseling kerjaya yang memberangsangkan dalam membantu para pelajar membuat keputusan kerjaya. Kejayaan seseorang pelajar lepasan sekolah menengah dengan meneruskan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi atau melangkah ke dunia pekerjaan sentiasa menjadi kayu ukur tentang keberkesanan sesuatu aktiviti kerjaya, seiring dengan keberkesanan program akademik yang telah diikuti oleh pelajar tersebut. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah, khususnya unit bimbingan dan kaunseling kerjaya untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling kerjaya yang mantap dengan tujuan untuk membantu pelajar meneroka potensi yang mungkin ada didalam diri mereka dan seterusnya berjaya untuk membuat keputusan kerjaya sepertimana dapatan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rahim, N. S., Wan Jaafar, W. M., & Mohamad Arsad, N. (2021). Career maturity and career decision-making self-efficacy as predictor of career adaptability among students in foundation program, Universiti Putra Malaysia. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 17(4). <https://doi.org/10.24191/ajue.v17i4.16181>
- Ali, R., & Shafiq, F. (2019). Student's experiences of career counselling and their perceptions of outcomes in Rawalpindi (Pakistan) Colleges. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 27(T2), 139-153.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C., & Razavieh, A. (2010). *Introduction to research in education* (8th ed.). Nelson Education, Ltd.
- Auerbach, S. M., May, J. C., Stevens, M., & Kiesler, D. J. (2008). The interactive role of working alliance and counselor-client interpersonal behaviors in adolescent substance abuse treatment. *International Journal of Clinical and Health Psychology*, 8(3), 617-629.

- Azhenov, A., Kudysheva, A., Fominykh, N., & Tulekova, G. (2023). Career decision-making readiness among students' in the system of higher education: Career course intervention. *Sec. Educational Psychology*, 8. <https://doi.org/10.3389/feduc.2023.1097993>
- Balan, S., Zainudin, Z. N., & Abd. Jalil, H. (2023). Industrial revolution 4.0 career agility and competencies among secondary school counsellors in preparing students future skills in Malaysia. *Journal of Public Administration and Governance*, 12(4S). <https://doi.org/10.5296/jpag.v12i4S.20812>
- Blustein, D. L., Juntunen, C. L., & Worthington, R. L. (2000). *The school-to-work transition: Adjustment challenges of the forgotten half*. In S. D. Brown & R. W. Lent (Eds.), *Handbook of counseling psychology* (3rd ed., pp. 435–470). John Wiley & Sons, Inc..
- Bordin, E. S. (1979). The generalizability of the psychoanalytic concept of the working alliance. *Psychotherapy: Theory, Research & Practice*, 16(3), 252–260. <https://doi.org/10.1037/h0085885>
- Bradley University. (2024). What's the difference between descriptive and inferential statistics? <https://onlinedegrees.bradley.edu/blog/whats-the-difference-between-descriptive-and-inferential-statistics>
- Cardoso, P., Campos, R., Taveira, M. C., & Silva, F. (2021). Client factors and working alliance: A preliminary study in Career Construction Counselling. *British Journal of Guidance & Counselling*, 51(4), 625-633. <https://doi.org/10.1080/03069885.2021.2009769>
- Chuang, N. K., Lee, P. C., & Kwok, L. (2020). Assisting students with career decision-making difficulties: Can career decision-making self-efficacy and career decision-making profile help? *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education*, 26. <https://doi.org/10.1016/j.jhlste.2019.100235>
- Corey, G. (1991). *Theory and practice of counseling and psychotherapy* (4th ed.). Thomson Brooks/Cole Publishing Co.
- Corey, G. (2001). *Theory and practice of counselling and psychotherapy*. (6th ed.). Wadsworth * Brooks/Cole.
- Cruwys, T., Lee, G. C., Robertson, A. M., Haslam, C., Sterling, N., Platow, M. J., Williams, E., Haslam, S. A., & Walter, Z. C. (2023). Therapists who foster social identification build stronger therapeutic working alliance and have better client outcomes. *Comprehensive Psychiatry*, 124. <https://doi.org/10.1016/j.comppsy.2023.152394>
- Dambi, J. M., Mavhu, W., Beji-Chauke, R., Kaiyo-Utete, M., Mills, R., Shumba, R., Muchemwa, S., Musesengwa, R., Verhey, R., Abas, M., Hirsch, C. R., & Chibanda, D. (2023). The impact of working alliance in managing youth anxiety and depression: A scoping review. *Npj Ment Health Res.*, 2(1). <https://doi.org/10.1038/s44184-023-00021-2>
- Fatimah, S. (2020). Comparison of difficulties in career decisionmaking: in terms of gender and the aspects that influence it. *JOMSIGN: Journal of Multicultural Studies in Guidance and Counseling*, 4(2). <https://doi.org/10.17509/jomsign.v4i2.25586>
- Feldman, S. (2003). Enforcing social conformity: A theory of authoritarianism. *Political Psychology*, 24(1), 41 – 74. <https://doi.org/10.1111/0162-895X.00316>
- Gati, I., & Asher, I. (2001). *The PIC model for career decision making: Prescreening, in-depth exploration, and choice*. In F. T. L. Leong & A. Barak (Eds.), *Contemporary models in vocational psychology: A Vol. in honor of Samuel H. Osipow* (pp. 7–54). Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Gati, I., Krausz, M., & Osipow, S. H. (1996). A taxonomy of difficulties in career decision making. *Journal of Counseling Psychology*, 43(4), 510-526.

- Gati, I., & Kulcsár, V. (2021). Making better career decisions: From challenges to opportunities. *Journal of Vocational Behavior*, 126. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2021.103545>
- Gati, I., & Levin, N. (2013). Counseling for career decision-making difficulties: Measures and methods. *The Career Development Quarterly*, 62. <https://doi.org/10.1002/j.2161-0045.2014.00073.x>
- Gelso, C. J., & Kline, K. V. (2019). The sister concepts of the working alliance and the real relationship: On their development, rupture, and repair. *Res Psychother*, 22(2). <https://doi.org/10.4081/ripppo.2019.373>
- Gladding, S. T. (1978). In the midst of the puzzles and counselling journey. *The Personnel and Guidance Journal*, 57(3). <https://doi.org/10.1002/j.2164-4918.1978.tb05126.x>
- Guay, F., Ratelle, C. F., Senécal, C., Larose, S., & Deschênes, A. (2006). Distinguishing developmental from chronic career indecision: Self-efficacy, autonomy, and social support. *Journal of Career Assessment*, 14(2), 235–251. <https://doi.org/10.1177/1069072705283975>
- Halit, A. H. (2007). *Keberkesanan program kerjaya ke atas perkembangan kerjaya peringkat penerokaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Dungun, Terengganu, Malaysia [The effectiveness of career program on career development at exploration level among high school students in Dungun, Terengganu]* [Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository.
- Hovarth, A. O., & Greenberg, L. S. (Eds.). (1994). *The working alliance: Theory, research and practice*. Wiley-Interscience Publication
- Ismail, S. H. Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan [Human development in National Education Philosophy]. *Journal of Human Capital Development (CPD)*, 8(2). <https://jhcd.utem.edu.my/jhcd/article/view/2087>
- Jabatan Digital Negara. (2024, November 27). *Pendidikan formal [Formal education]*. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/29508?language=my>
- Juhari, H. (2024, September 24). Contoh soalan PKSK: Pentaksiran kemasukan sekolah khusus [PKSK question examples: Special school admission assessment]. eCentral. <https://ecentral.my/soalan-pksk/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Ringkasan eksekutif pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 (pendidikan prasekolah hingga lepas menengah) [Executive summary on Malaysian education blueprint 2013-2025 (pre-school to after high school education)]*.
- Kivlighan, D. M. Jr., Patton, M. J., & Foote, D. (1998). Moderating effects of client attachment on the counselor experience-working alliance relationship. *Journal of Counseling Psychology*, 45, 274-278.
- Linkes, S., Ezekiel, F., Lerch, A., & Meadows, K. (2018). Group career counselling for international students: Evaluation and promising practices. *Canadian Journal of Career Development/Revue canadienne de développement de carrière*, 17(2), 45-58.
- Maree, J. B., & Magere, G. M. (2023). The influence of group career construction counselling on Tanzanian high school students' career decision-making difficulties. *International Journal of Adolescence and Youth*, 28(1). <https://doi.org/10.1080/02673843.2023.2190809>
- Masdonati, J., Massoudi, K., & Rossier, J. (2009). Effectiveness of career counseling and the impact of the working alliance. *Journal of Career Development*, 36(2).

- Masdonati, J., Pedrix, S., Massoudi, K., & Rossier, J. (2013). Working Alliance as a moderator and a mediator of career counseling effectiveness. *Journal of Career Assessment*, 00(0) 1-15. <https://doi.org/10.1177/1069072713487489>
- Milot-Lapointe, F., & Corff, Y. L. (2022). Trajectories of Change in Career Decision Difficulties During a Manualized Individual Career Counseling Intervention: The Influence of Counselor Adherence, Working Alliance and Client Personality Traits. *Journal of Career Assessment*, 31(3). <https://doi.org/10.1177/10690727221141983>
- Milot-Lapointe, F., Savard, R., & Corff, Y. L. (2018). Intervention components and working alliance as predictors of individual career counseling effect on career decision-making difficulties. *Journal of Vocational Behavior*, 107, 15-24. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2018.03.001>
- Mohamed, O. (2000). *Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling [The principle of psychotherapy and management in counselling]*. Universiti Putra Malaysia.
- Novella, J. J., & Ng, K. M. (2024). Therapeutic working alliance in brief therapy with college students: In-person versus telemental health. *J. technol. behav. sci.* <https://doi.org/10.1007/s41347-024-00421-x>
- Peng, H., Shih, Y., & Chang, L. F. (2020). The Impact of a Career Group Counseling Mix Model on Satisfaction of Low-achieving College Students—Specialty-Oriented Career Exploration Group Counseling. *International Journal of Psychological Studies*, 12(2). <https://doi.org/10.5539/ijps.v12n2p1>
- Permohonan.my. (2024). *Senarai aliran tingkatan 4 sekolah menengah beserta mata pelajaran [List of high school form 4 streams with its subjects]*. <https://www.permohonan.my/senarai-aliran-sekolah-menengah-form-4/#senarai-aliran-tingkatan-4-5-sekolah-menengah-atas-dan-mata-pelajaran-yang-ditawarkan>
- Pignault, A., Rastoder, M., & Houssemand, C. (2023). The Relationship between Self-Esteem, Self-Efficacy, and Career Decision-Making Difficulties: Psychological Flourishing as a Mediator. *European Journal of Investigation in Health, Psychology and Education*, 12, 1553-1568. <https://doi.org/10.3390/ejihpe13090113>
- Robak, R. W., Kangos, K. A., Chiffriller, S. H., & Griffin, P. W. (2013). The working alliance in group counseling: An exploratory study. *Psychol Rep.* 113(2), 591-604. <https://doi.org/10.2466/21.02.PR0.113x19z7>
- Roy, P. (2020). Career guidance: A way of life. *UGC Care Journal*, 19(39), 22-31.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2001). On happiness and human potentials: A review of research on hedonic and eudaimonic well-being. *Annual Review of Psychology*, 52, 141–166. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.52.1.141>
- Sapora Sipon. (2000). Stress dan pencapaian akademik pelajar [Stress and students' academic achievement]. *Buletin Psikologi*, 15-17.
- Schmidt, V., Treml, J., Deller, J., & Kersting, A. (2023). The relationship between working alliance and treatment outcome in an internet-based grief therapy for people bereaved by suicide. *Cognitive Therapy and Research*, 47, 587–597. <https://doi.org/10.1007/s10608-023-10383-8>
- Taiwo, A., Chinyio, E., Hewson, H., & Agberotimi, S. (2023). Client and therapists' subjective understanding of an ideal therapy room: A divergent reflection of experience. *The European Journal of Counselling Psychology*. <https://doi.org/10.46853/001c.91127>
- Teuscher, U. (2003). Evaluation of a Decision Training Programmes for Vocational Guidance. *Journal for Education and Vocational Guidance*, 3. 177-192.

- Wasti, S. P., Simkhada, P., van Teijlingen, E. R., Sathian. B., & Banerjee, I. (2022). The growing importance of mixed-methods research in health. *Nepal J Epidemiol*, 12(1), 1175-1178. <https://doi.org/10.3126/nje.v12i1.43633>
- Watson, M., & McMahon, M. (2021). Group work in career development: school age populations. *The Journal for Specialists in Group Work*, 46(1). <https://doi.org/10.1080/01933922.2020.1862558>
- Wen, Y., Li, K., Chen, H., & Liu, F. (2022). Life design counseling: Theory, methodology, challenges, and future trends. *Sec. Psychology for Clinical Settings*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.814458>
- Whiston, S. C., & Rahardja, D. (2008). Vocational counseling process and outcome. In S. D. Brown & R. W. Lent (Eds.), *Handbook of counseling psychology*. John Wiley & Sons, Inc..
- Xie, W. Y., Yang, X. L., Cai, Y. M., Mo, W., Shen, Z. M., Li, Y. H., Zhou, B. F., & Li, Y. L. (2023). Evaluation of career planning group counseling and its effectiveness for intern male nursing students. *BMC Med Educ.*, 23(34). <https://doi.org/10.1186/s12909-022-03981-9>
- Zammiti, A., Russo, A., Ginevra, M. C., & Magnano, P. (2023). "Imagine your career after the COVID-19 pandemic": An online group career counseling training for university students. *Behav Sci (Basel)*, 13(1). <https://doi.org/10.3390/bs13010048>